

16/05/2000

Barisan MT mesti bawa perubahan dalam parti

Kadir Dikoh

"ANAK saya masam muka nak makan kerana balik sekolah dalam kepanasan disebabkan hawa dingin kereta rosak. Saya kata, hang (awak) tahu tak, bapa hang dulu jalan kaki ke sekolah. Anak saya kata apa? Abah katanya, itu memang betul, itu generasi Abah, kami lain," kata ahli Majlis Tertinggi (MT) yang baru dipilih, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Ahli korporat merangkap Ahli Parlimen Rompin itu berkata, keadaan itu jelas menggambarkan perubahan yang amat ketara. "Jika kita tidak berkomunikasi, kita tidak tahu kerana tanda aras dia (generasi baru) dan cita rasa mereka jauh berbeza," katanya.

Inilah hakikatnya, yang akan menjadi cabaran besar kepada Umno selaku parti tonggak dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi memacu negara menghadapi era globalisasi, era Internet dan dunia tanpa sempadan pada alaf baru yang dibanjiri penggunaan komputer. Cita rasa generasi muda perlu diselami dan diyakini.

Perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno yang berakhir Sabtu lalu, membuat pilihan menggabungkan muka baru dan lama, yang berpengalaman di dalam kerajaan atau luar kerajaan dan mereka yang mempunyai pelbagai kepakaran. Begitu juga barisan pelapis yang dipilih ke dalam exco pergerakan Pemuda dan Wanita.

Cabaran besar menanti Umno selepas undi majoriti pengundi Melayu merosot seperti terbukti pada pilihan raya umum lalu. Generasi muda termasuk pelajar menjauhi Umno ketika parti pembangkang secara agresif mahu terus memikat hati mereka sehingga Umno dicapkan sudah tidak relevan.

Tidak hairanlah apabila Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan di akhir perhimpunan itu mengajak seluruh pemimpin dan ahli parti supaya mendampingi mereka yang menentang kerajaan dan Umno bagi memberi penjelasan sebenar, termasuk menyakinkan semula generasi muda kepada parti.

Apa yang perlu ialah barisan pemimpin pelapis dalam Umno termasuk mereka yang dipilih dalam MT 'turun padang' bukan semata-mata menunggu maklum balas daripada perisik mereka di luar. Umno boleh membentuk pasukan khas untuk menangani masalah itu dengan membahagikan tugas berdasarkan keupayaan masing-masing.

Kumpulan sasar ialah pelajar, golongan muda, veteran, suri rumah, ahli agama dan golongan 'atas pagar'. Gabungan mereka yang dipilih dalam MT itu boleh dibahagikan kepada kumpulan sasar ini untuk diberi tugas tertentu, dan biarlah Presiden dan Timbalan Presiden bertindak selaku penasihat dari atas dengan dibantu barisan Naib Presiden.

"Barisan MT kali ini agak unik berbanding masa lalu. Komposisi MT lebih seimbang, bukan saja dari segi umur tetapi dari segi mereka dalam atau luar 'establishment' yang mana mereka diharapkan dapat membuat keputusan yang berdasarkan kepada pendapat semua golongan sebelum kita membuat sebarang keputusan dalam apa-apa perkara. Jadi kita terimalah kehendak perwakilan itu dan saya percaya MT kali ini mampu menjadi barisan yang mantap bagi menangani cabaran alaf yang baru," kata Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Harapan itu amat jelas kerana perwakilan yang membuat pemilihan berdasarkan kebolehan masing-masing dalam bidang tertentu, mahu mereka menangani masalah yang dihadapi Umno sekarang. Perwakilan meletakkan mereka di situ, sebagai 'office boy' kepada mereka, bukan untuk mengejar jawatan dalam kerajaan atau mahukan kebendaan.

"Kalau kita tengok keputusan pemilihan bagi jawatan MT, perwakilan mahukan satu perubahan dalam parti. Keputusan pilihan raya umum lalu menjadi pengajaran yang cukup baik apabila Umno kehilangan sokongan daripada pengundi baru. Kini perwakilan meletakkan tanggungjawab kepada barisan MT yang baru untuk menangani cabaran ini," kata Ahli Parlimen Tambun, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah.

Katanya, perwakilan mahukan barisan yang lebih dinamik tetapi sejauh mana keberkesanan individu terutama yang baru dipilih ke dalam 25 jawatan MT, untuk memainkan peranan membantu Umno, belum dapat dipastikan.

"Hanya apabila tenaga mereka dikerah dan setelah perbincangan diadakan (mesyuarat MT), baru kita boleh pastikan sama ada individu-individu ini sebenarnya memainkan peranan yang diharapkan. Ketika itu, baru kita tahu dari segi tahap pemikirannya. Jika tahap ilmu dan pemikiran itu tinggi, maka dia akan dapat memberi pandangan pilihan yang terbaik bagi menghasilkan satu perancangan yang terbaik demi kepentingan parti, bangsa dan negara," katanya yang memang terkenal dengan perbincangan bermutu serta berisi di Dewan Rakyat.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata harapan generasi muda amat tinggi kepada kepemimpinan Umno sekarang kerana perlu ada proses `regeneration' iaitu orang tua memberi laluan untuk golongan muda.

"Ini tidak bermakna, kita menafikan kepemimpinan orang lebih tua tetapi kita perlukan kepemimpinan orang tua dan pengalaman mereka. Begitu juga kita memerlukan kepemimpinan orang muda kerana mereka ada wawasan dan kemampuan untuk meneruskan cita-cita perjuangan parti.

"Oleh itu, banyak isu-isu yang berkaitan golongan muda dibangkitkan (dalam Perhimpunan Agung Umno). Golongan muda hari ini mewakili 60 peratus penduduk negara ini dan sewajarnya mereka mengharap wakil generasi muda dalam barisan kepemimpinan parti dan negara. Saya percaya gandingan mantap orang tua dan muda perlu bagi memastikan Umno terus relevan kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

(END)